

09 JAN 2003

Mahathir-Perdagangan/I

TERUS PERJUANGKAN SISTEM PERDAGANGAN LEBIH ADIL, KATA DR MAHATHIR

PUTRAJAYA, 9 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menggesa negara-negara membangun supaya terus memperjuangkan bagi perdagangan global yang lebih adil ketika mereka kini terpaksa bersaing dalam suasana perdagangan yang tidak seimbang.

Perdana Menteri berkata ia pastinya sukar bagaimanapun itu adalah hakikat kehidupan.

"Kita terpaksa menerima hakikat ini, bekerja keras dan menggunakan apa jua kelebihan saingan yang kita mungkin miliki," katanya dalam ucap-tama pada seminar anjuran London Business School di sini hari ini.

Dr Mahathir mengkritik senario perdagangan global masa kini yang tidak membezakan antara pesaing yang terlibat.

"Intipati persaingan ialah mereka yang terlibat memiliki kualiti kelayakan tertentu. Bandaraya tidak bersaing dengan kampung, begitu juga atlet dewasa dengan kanak-kanak. Untuk bersaing secara adil para peserta harus tergolong dalam kategori tertentu," katanya.

Bagaimanapun, Dr Mahathir berkata mengikut peraturan persaingan sedia ada, tidak wujud kategori yang berbeza kerana negara paling kecil dan termiskin sekalipun harus bersaing dengan negara paling besar dan terkaya.

Negara-negara maju, katanya, tidak akan membangun dan semakmur yang ada dengan mengamalkan perdagangan bebas, tanpa sempadan, mengadakan kelonggaran dan mengamalkan dasar tidak melindungi.

"Apa yang mereka lakukan semasa mereka belum membangun seperti negara membangun hari ini adalah agak berbeza daripada yang kita diberitahu formula yang kita perlu terima untuk menjadi maju," kata Dr Mahathir, pengkritik lantang globalisasi yang dipropaganda oleh Barat.

Perdana Menteri berkata jika semua negara membangun bersatu, mereka boleh menghalang peraturan yang memihak kepada negara kaya dan kuat daripada diterima pakai oleh Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO).

Tetapi, beliau memberitahu hadirin yang terdiri daripada ketua-ketua agensi kerajaan dan sektor korporat bahawa kebanyakan negara membangun tidak berupaya menentang negara kaya kerana mereka memerlukan wang atau bantuan daripada negara-negara berkenaan.

Pada sesi dialog kemudiannya, Dr Mahathir berkata Malaysia telah belajar daripada kesilapan semasa krisis kewangan serantau pada 1997 tetapi beliau tidak pasti sama ada negara lain di dunia juga mengalami perkara serupa.

Beliau berkata ianya bukan semata-mata mengenai menetapkan kadar pertukaran atau mengawal aliran modal untuk menangani masalah ketika itu kerana ia juga melibatkan mempunyai kemahiran untuk mikrourus ekonomi.

Kepada satu soalan, Dr Mahathir berkata wujud keadaan kurang minat dalam membincangkan bagaimana untuk menguruskan sebuah dunia globalisasi secara mendalam dan bahawa dalam pertukaran pendapat mengenainya, suara negara kerdil dan membangun tidak harus diketepikan.

Ditanya mengenai kemunculan China, Perdana Menteri berkata adalah jelas bahawa negara dengan 1.3 bilion penduduk itu akan memonopoli industri berintensifkan buruh.

Bagaimanapun Dr Mahathir berkata Malaysia perlu mencari tempat bertapak dalam pasaran Cina dengan mewujudkan bidangnya sendiri dalam sektor seperti teknologi maklumat dan k-industri.

Ketika menjawab soalan mengenai keselamatan di Malaysia, Perdana Menteri berkata perasaan bimbang mengunjungi negara ini tidak berasas

semasa sekali seperti yang ditunjukkan dalam catatan rekod lebih daripada 13 juta pelancong tiba di negara ini pada 2002.

"Tahun lepas kita diberitahu bahawa Malaysia akan menjadi sasaran selepas Bali tetapi tidak berlaku kejadian seperti di Bali (di sini)," katanya merujuk kepada letupan bom pada 12 Okt 2002 di pulau peranginan Indonesia itu yang membunuh hampir 200 orang, kebanyakannya pelancong dari Australia.

Untuk membuktikan lagi keadaan aman di negara ini, Dr Mahathir berkata beratus ribu orang termasuk rakyat asing menghadiri sambutan besar-besaran rumah terbuka Hari Raya dan Krismas serta semasa menyambut ketibaan Tahun Baru.

Beliau turut menceritakan kisah seorang rakan Cinanya yang membelikan tiket kepada rakyat Australia untuk melancong ke Malaysia selepas mereka mendengar laporan negatif mengenai tahap keselamatan di negara ini.

"Setelah mereka datang, mereka menukar fikiran mereka," katanya dan menggesa ahli perniagaan tempatan supaya mempelawa rakan-rakan mereka dari luar negara untuk melawat Malaysia.

"Biasanya mereka (rakyat asing) menukar fikiran mereka dalam perjalanan antara KLIA (Lapangan Terbang Antarabangsa KL) dan ibu negara KL," katanya.

-- BERNAMA

MAM SM AHH RON